

TARIKH	6 / 12 / 2016	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	4	RUANGAN	



RAHIM SHAH AHMAD NORDIN menunjukkan dua produk Pomade yang akan dijual pada jualan amal di seluruh negara mulai 7 Disember.

## Jualan amal Pomade bantu Tabung Rohingya Utusan -TH

**SHAH ALAM 5 Dis.** - Penderitaan dan kesengsaraan etnik minoriti Islam Rohingya yang berhadapan dengan keganasan penghapusan kaum di Wilayah Rakhine, Myanmar ketika ini mendapat simpati syarikat pengeluar produk perapi rambut Pomade, Shah Factory Sdn. Bhd., yang akan mengadakan jualan amal membantu meringankan beban mereka.

Pengarahnya, Rahim Shah Ahmad Nordin berkata, jualan amal itu bakal bermula pada 7 hingga 31 Disember ini melibatkan beberapa lokasi tertentu yang mana sebahagiannya akan disalurkan ke Tabung Rohingya Utusan-TH dan Tabung Bantuan Rohingya Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. "Daripada hasil jualan bagi produk keluaran kita iaitu Shah Pomade dan Hero Pomade, sebanyak RM5 akan disalurkan untuk membantu etnik Rohingya menerusi kedua-dua tabung bantuan kemanusiaan berkenaan.

"Kita akan memulakan kemen penjualan amal ini di Segi College, Subang Jaya pada 7 Disember; Rawang Country Homes, Rawang (10,11 dan 12 Disember) dan Tesco Peringgit, Melaka pada 31 Disember inil," katanya ketika itemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Yang hadir sama, Presiden Persatuan Siafu Malaysia, Aimanuddin Kamaruddin dan Pengarah Eksekutif Shah Factory Sdn. Bhd., Mashitah Sulaiman.

Tambah Rahim Shah, pihaknya menyasarkan jualan 100,000 Pomade sepanjang kempen jualan amal tersebut selain menawarkan harga terendah iaitu RM20 bagi setiap produk berbanding harga pasaran iaitu RM30 hingga RM35.

"Selain itu, kita juga akan bekerjasama dengan Persatuan Siafu Malaysia untuk mengadakan jualan amal di Gerbang Malam Ipoh Perak, Teluk Cempedak Pahang, Kelantan dan Terengganu pada awal tahun hadapan.

"Pihak syarikat terdetik ingin membantu masyarakat Rohingya setelah melihat penderitaan masyarakat tersebut yang tidak mendapat pembelaan sewajarnya termasuklah daripada penerima Hadiah Nobel Keamanan, Aung San Suu Kyi yang ketkainiturut memimpin kerajaan Myanmar," ujarnya.

Jelasnya lagi, orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai jualan amal itu menerusi laman sesawang [www.shahpomade.com](http://www.shahpomade.com) atau Facebook atas nama Hero Pomade atau menghubungi WhatsApp syarikat tersebut di talian 0133277932.